

Membimbing remaja hamil di **Raudhatus Sakinah**

SELEPAS didakap, dirangkul dan dipeluk rakus lantas dihisap madunya mereka dianiaya. Ditinggalkan seperti sampah tidak berguna. Hidup tambah sengsara menanggung derita akibat berbadan dua. Ke manakah diri hendak dibawa? Usah dituding kesalahan ini kerana kebanyakan mereka belum cukup matang membuat keputusan. Apa yang penting keprihatinan ibu bapa dan masyarakat dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi anak-anak remaja hari ini.

Norhaizan Ahmad ditemani jurugambar, **Fatah Sulaiman** menemui Pengurus Raudhatus Sakinah, **Puan Rosmawati Zainal** untuk berkongsi pengalaman.

"Memang mereka pernah melakukan perbuatan keji tetapi mestikah kita terus menghukum sekiranya mereka insaf dan menyekali perbuatan lalu? Sungguhpun mereka bukan lagi suci, namun mereka juga manusia yang mempunyai hati dan perasaan. Mereka juga mahu hidup seperti orang lain walaupun landasan awal telah tergelincir. Mahukah kita melihat mereka terus terpesong jauh?" jelas Rosmawati ikhlas.

"Begitu juga ibu bapa yang menerima geruh malang ini, berapa kerat di kalangan mereka mahu menerima anak-anak terlanjur ini? Itulah yang pihak kami kesalkan. Sikap dan tanggungjawab ibu bapa yang lepas tangan. Memang anak itu sudah menconteng arang ke muka tetapi sikap ibu bapa yang enggan menerima anak-anak umpama menutup jalan keinsafan dalam jiwa mereka. Bayangkan sikap sampai hati ibu bapa menghalau anak gadis yang sedang memboyot membawa perut. Ke mana mereka hendak pergi? Teman lelaki enggan bertanggungjawab, kawan-kawan menjauhkan diri dan jiran tetangga memandang jijik."

Memahami situasi begini dan tidak mahu senario yang lebih buruk berlaku, Wanita, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia (JIM) melalui Unit Bina Remaja Puterinya amat prihatin terhadap keruntuhan akhlak di kalangan remaja perempuan. Selain menguruskan Raudhatus Sakinah (RS) iaitu sebuah rumah perlindungan dan bimbingan untuk mereka yang telah terkesan dengan gejala sosial, Wanita JIM juga mengendalikan program pengawalan dan pencegahan dengan tujuan menyedarkan umum akan bahaya gejala sosial yang menular dalam masyarakat.

"Dengan beropersinya RS sejak Ogos 1998 yang didaftarkan secara rasmi di bawah Akta Pusat Jagaan 1993

dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kami berharap dapat membantu golongan ini agar tidak terus terjerumus dalam kancap yang membinasakan masa depan mereka. Di RS, kami berusaha membantu remaja-remaja yang terlibat dalam meningkatkan keyakinan dan keupayaan diri agar menjadi individu yang berguna kepada masyarakat dan agama.



◆ Rosmawati Zainal

"Kami tidak mahu remaja ini terus-terusan dengan gaya hidup bebas, pergaulan tanpa batas dan bertunjangan mata benda yang mendorong mereka lupa akan adat, budaya dan agama. Jika anak-anak remaja ini dibiarkan tanpa bimbingan serta perhatian ibu bapa ia mendorong menjarakkan hubungan antara kedua-duanya. Sekiranya kita tidak mengekang perkara ini dari awal, natijahnya, anak-anak remaja kita bebas memilih jalan hidup sendiri dan tidak hairanlah akan lahir anak-anak luar nikah yang

lain. Dan, senario ini berterusan tanpa kesudahan."

Dalam membantu remaja hamil, RS menyediakan tempat perlindungan buat mereka sehingga selamat melahirkan anak. "Tempoh kemasukan bergantung kepada jangka masa kehamilan. Sebaik sahaja selamat melahirkan dan habis tempoh berpantang, mereka dibenarkan keluar dari rumah ini. Begitu pun, ada kes-kes tertentu di mana kami terpaksa 'menahan' remaja di RS sehingga satu tempoh yang difikirkan sesuai sekiranya mendapati dia belum bersedia untuk menghadapi dunia sebenar di luar sana," jelas Rosmawati lagi.

Untuk tujuan itu RS ada matlamat tersendiri dalam usaha menangani masalah ini. Ia juga memberikan beberapa syarat kemasukan memandangkan tidak banyak tempat yang dapat disediakan. "Dalam satu masa kami boleh mengambil lebih kurang 18 orang sahaja. Itu pun kalau ada kekosongan."

MATLAMAT RS:

- * Membantu remaja menghayati Islam sebagai cara hidup.
- * Membantu remaja membina semula keyakinan diri untuk meneruskan kehidupan yang sihat dan memberi manfaat kepada masyarakat.

SYARAT KEMASUKAN KE RS:

- * Remaja puteri berumur antara 12 hingga 25 tahun.
- * Gadis Islam dan warganegara Malaysia.
- * Mangsa gejala sosial seperti penderaan, penganiayaan, pengabaian, tekanan psikologi, perkosaan, sumbang mahram dan sebagainya.
- * Bebas dari kes undang-undang dan penyakit kronik.
- * Bersedia merubah diri dan bersedia menjalani bimbingan sekurang-kurangnya selama setahun.

CARTA ALIR KEMASUKAN:

RS boleh dihubungi di talian 03-41073379 sama ada oleh pemohon sendiri atau dirujuk oleh keluarga, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Hospital atau talian kaunseling untuk perbincangan kes.



KHIDMAT DAN BIMBINGAN:

- a) Bimbingan rohani – fardu ain, al-Quran, hadis, bimbingan mukmin, doa dan sirah nabi.
- b) Bimbingan bina diri – kaunseling individu dan kelompok, motivasi dan jati diri.
- c) Bimbingan akademik – PMR dan SPM (khusus yang akan menghadapi peperiksaan).
- d) Riadah, rekreasi dan kesenian – senaman, *outdoor games* dan nasyid.

DATA KEMASUKAN 1998 – 2001

TAHUN	BIL	KELUARGA	DIRUJUK OLEH						
			JKM	JKH	TK	PINTAS	SEK.	KILANG	A. KJN
1998	4	3	1						
1999	6	4	1	1					
2000	18	7	4	3	4				
2001	27	8	2	4	5	1	3	1	3

KES-KES REMAJA HAMIL YANG DIRUJUKKAN KE RS DAN PERATUSANNYA:

KES	%	USIA	LATAR BELAKANG PENDIDIKAN
Hamil di luar nikah (diperkosa)	3	19	IPT
Hamil di luar nikah (terlanjur)	13	18 – 22	IPT
Hamil luar nikah (luar kawal)	45	14 – 25	Sekolah menengah dan IPT

e) Kemahiran diri – komputer, masakan, jahitan dan kraf tangan.

AKTIVITI SAMPINGAN:

- a) Memberi khidmat nasihat dan kaunseling kepada remaja yang memerlukan.
- b) Terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan seperti memberi khidmat dalam program remaja di sekolah-sekolah, membantu pada hari sukan sekolah dan sebagainya.
- c) Pelatih membuat biskut untuk jualan serta mengambil upah menjahit dan memasak.

“Memang diakui masalah gejala sosial seperti remaja hamil semakin hari semakin membimbangkan. Apatah lagi remaja pada hari ini tanpa segan silu mengamalkan pergaulan bebas, seks bebas, pengambilan minuman keras, penyalahgunaan dadah seolah-olah telah jadi satu lumrah. Lebih membimbangkan lagi kebanyakan remaja tidak dapat menyesuaikan diri dan membezakan antara baik dan buruk. Siapakah yang patut dipersalahkan? Ketidakprihatinan ibu bapa? Pembangunan IT yang pesat? Atau pengaruh budaya Barat?”

“Umum telah maklum secara episodik, berita-berita kejutan mengenai masalah remaja hamil akan muncul diikuti perbincangan hebat pelbagai pihak hingga bara isu mereda semula. Ini adalah kenyataan yang dihadapi masa kini. Sekadar mengeluarkan isu, berbincang, mencari sebab dan kesilapan tidak akan dapat menyelesaikan masalah. Apa yang diharapkan adalah langkah-langkah penyelesaian yang inovatif dan berterusan. Ini memerlukan semua lapisan masyarakat agar sedar dan faham untuk sama-sama mem-

bangunkan generasi pewaris kepimpinan masa depan ini supaya menjadi umat yang gemilang. Itulah harapan kami semua di RS dalam membantu golongan remaja yang terjebak dalam kancah gejala sosial,” jelas Rosmawati mengakhiri perbualan. W